



KELEBIHAN AMALAN SESAMA MANUSIA



**Disampaikan Oleh: Mohd Yusof bin Arbain
Akademi Tadabbur Malaysia**

1

MENZIARAH ORANG SAKIT

عَائِدُ الْمَرِيضِ فِي مَخْرَفَةِ الْجَنَّةِ

“Orang yang menziarahi orang sakit akan berada di kebun buah-buahan syurga.”
(HR Muslim [No 2568])

مِنْ مُسْلِمٍ يَعُودُ مُسْلِمًا غُدُوَّةً إِلَّا صَلَّى عَلَيْهِ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ حَتَّى
 يُمْسِيَ وَإِنْ عَادَهُ عَشِيَّةً إِلَّا صَلَّى عَلَيْهِ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ حَتَّى يُصْبِحَ وَكَانَ لَهُ
 خَرِيفٌ فِي الْجَنَّةِ

“Tidaklah seorang muslim menziarahi (saudaranya) Muslim yang sedang sakit di pagi hari melainkan tujuh puluh (70) ribu malaikat akan berselawat kepadanya sehingga waktu petang dan apabila dia menziarahinya di waktu petang, tujuh puluh 70 ribu malaikat akan berselawat kepadanya sehingga waktu pagi serta **dia akan mendapat kebun di syurga.**” (Sahih: HR at-Tirmizi [No 969] & Ahmad [No 955])

مَنْ عَادَ مَرِيضًا أَوْ زَارَ أَخًا لَهُ فِي اللَّهِ، نَادَاهُ مُنَادٍ: أَنْ طِبْتَ،
وَطَابَ مُمْشَاكَ، وَتَبَوَّأْتَ مِنَ الْجَنَّةِ مَنْزِلًا

“Sesiapa yang menziarahi orang sakit atau mengunjungi saudaranya Muslim kerana Allah, maka Malaikat akan menyeru kepadanya: “Hidupmu adalah baik, dan baik pula langkahmu menuju akhirat serta **engkau telah menyiapkan sebuah rumah di Syurga**” (HR Ibnu Majah)

2

**MENZIARAHI SESAMA
MUSLIM KERANA ALLAH**

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِرِجَالِكُمْ فِي الْجَنَّةِ؟ قَالُوا : بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ: النَّبِيُّ فِي الْجَنَّةِ ,
وَالصِّدِّيقُ فِي الْجَنَّةِ , وَالشَّهِيدُ فِي الْجَنَّةِ , وَالْمَوْلُودُ فِي الْجَنَّةِ , وَالرَّجُلُ يَزُورُ أَخَاهُ فِي
نَاحِيَةِ الْمِصْرِ لَا يَزُورُهُ إِلَّا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فِي الْجَنَّةِ

“Mahukah aku beritahu kepada kamu semua tentang para lelaki yang akan masuk Syurga di antara kamu”? Mereka berkata: “Ya, wahai Rasulullah”. Baginda bersabda: “Nabi (kamu semua) di Syurga, orang yang selalu jujur di Syurga begitu juga **lelaki yang menziarahi saudaranya di hujung kota dan dia tidak menziarahinya melainkan kerana Allah Ta`ala** (maka dia) akan berada di Syurga” (Hasan: HR al-Tabrani dalam *Mu`jam al-Shaghir*)

مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ أَتَى أَخَاهُ يَزُورُهُ فِي اللَّهِ إِلَّا نَادَاهُ مُنَادٍ مِنَ السَّمَاءِ : أَنْ طِبْتَ
 وَطَابَتْ لَكَ الْجَنَّةُ، وَإِلَّا قَالَ اللَّهُ فِي مَلَكَوتِ عَرْشِهِ : عَبْدِي زَارَ فِيَّ وَعَلَيَّ قِرَاهُ،
 فَلَمْ يَرْضَ اللَّهُ لَهُ بِثَوَابٍ دُونَ الْجَنَّةِ

“Tidak seorang hamba yang datang mengunjungi saudaranya kerana Allah, melainkan Malaikat akan menyerunya dari langit: “Hidupmu adalah baik dan Syurga adalah baik bagimu dan jika tidak demikian, maka Allah SWT mengqatakan di kerajaan Aras-Nya: “Hamba-Ku telah menziarahi (saudaranya Muslim) kerana Aku, maka Aku yang akan menjamunya. Dia juga tidak redha memberikankan pahala (kepadanya) selain Syurga” (HR al-Bazzar dalam Kasyful Astar dan Abu Ya`la dalam Musnadnya)

3

**MENGHIBURKAN ORANG
YANG DITIMPA MUSIBAH**

مَا مِنْ مُؤْمِنٍ يُعَزِّي أَخَاهُ بِمُصِيبَةٍ، إِلَّا كَسَاهُ اللَّهُ سُبْحَانَهُ مِنْ
حُلَلِ الْكِرَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Tidaklah seorang Mukmin berta`ziah (menghiburkan) saudaranya di atas musibah yang menimpanya melainkan Allah SWT akan memakaikan perhiasan kemuliaan pada hari Kiamat kepadanya” (Sahih: HR Ibnu Majah [No 1601], Abdullah bin Humaid [No 287] & At-Tabrani [No 5296])

Doa Takziah

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ وَلَهُ مَا أُعْطِيَ، وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِأَجَلٍ مُّسَمًّى. فَلْتَصْبِرْ وَلْتَحْتَسِبْ ﴿١٠﴾

“In-na lil-laa-Hi maa A-kha-dza wa-la-Hu maa A'a-thoa, wa kul-lu syay-in 'in-da-Hu bi-A-ja-lin mu-sam-ma. Fal-tosh-bir wal-tah-ta-sib.”

“Sesungguhnya kepunyaan Allah apa yang DIA ambil dan haqNya juga apa yang DIA berikan. Segala sesuatu pada sisiNya ada masa-masa yang telah ditetapkan. Hendaklah kamu bersabar dan mengharapkan ganjaran (daripada Allah).”

4, 5, 6

**MENYEBARKAN SALAM,
MEMBERI MAKAN &
SAMBUNG SILATUR RAHIM**

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا
الْأَرْحَامَ، وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

“Wahai sekalian manusia, **sebarkanlah salam, berilah makan, sambunglah silaturrahim dan solatlah di malam hari** ketika orang lain sedang tidur, nescaya kamu akan masuk syurga dengan diiringi ucapan salam” (Sahih: HR Ibn Majah [No 2648])

7

MENJAGA MARUAH ORANG LAIN

مَنْ رَدَّ عَنْ عَرَضِ أَخِيهِ رَدَّ اللَّهُ عَنْ وَجْهِهِ النَّارَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Sesiapa yang mempertahankan maruah saudaranya nescaya Allah akan mempertahankan dirinya dari api neraka di hari kiamat kelak.” (Hadis riwayat al-Tirmizi)

8

**MEMBERI TUNJUK AJAR
KEPADA ORANG LAIN**

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلَ مَنْ أَجُورَ مَنْ
تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا

”Sesiapa menyeru kepada petunjuk, maka dia mendapat pahala seperti pahala orang yang mengikutinya tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun”. (HR Muslim [No 2674])

9

**MENDOAKAN ORANG LAIN
DAPAT KEAMPUNAN**

مَنْ اسْتَغْفَرَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِكُلِّ
مُؤْمِنٍ وَمُؤْمِنَةٍ حَسَنَةً

“Sesiapa memohon keampunan bagi orang mukmin lelaki dan perempuan, maka **Allah mencatat baginya satu kebaikan untuk setiap orang mukmin lelaki dan perempuan**” (Hasan: HR at-Tabrani dalam Musnad al-Syamiyyin [No 2155])

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ ﴿٤١﴾

“Wahai Tuhan kami! Berilah keampunan bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta **bagi orang yang beriman**, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan”

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي
قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

“Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa kami dan **dosa saudara-saudara kami yang telah beriman sebelum kami!** Dan janganlah engkau wujudkan perasaan dengki dalam hati kami terhadap orang yang beriman. “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang.”

10

**MENYELESAIKAN
KEPERLUAN ORANG
LAIN**

وَلِأَنَّ أَمْشِيَّ مَعَ أَخٍ فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَكِفَ
فِي هَذَا الْمَسْجِدِ الْمَدِينَةِ شَهْرًا

“Perbuatanku berjalan bersama saudara (yang muslim) untuk menunaikan hajatnya lebih aku suka dari beriktikaf dalam masjid al-Madinah ini selama sebulan”
(Sahih: HR At-Tabrani [No 6026], Abu Al-Syeikh [No 97])

وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ، كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ
مُسْلِمٍ، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Sesiapa yang menyempurnakan keperluan saudaranya, **Allah akan menyempurnakan keperluannya.** Sesiapa yang meringankan daripada seorang muslim, **Allah akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan Hari Kiamat.**” (HR al-Bukhari dan Muslim)

11

**MEMBANTU IBU
TUNGGAL & ORANG
MISKIN**

السَّاعِي عَلَى الْأَزْمَلَةِ وَالْمِسْكِينِ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ
الْقَائِمِ اللَّيْلِ الصَّائِمِ النَّهَارِ

“Orang yang membantu Ibu Tunggal dan Orang Miskin adalah seperti **orang yang berjihad di jalan Allah** atau seperti **orang yang bangun (mengerjakan) solat malam dan orang yang berpuasa di siang hari**” (HR Al-Bukhari [No 5353])

12

**MEMPERBAIKI
HUBUNGAN SESAMA
MUSLIM**

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِأَفْضَلٍ مِنْ دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَةِ؟ قَالُوا: بَلَى، قَالَ: صَلاَحُ ذَاتِ الْبَيْنِ، فَإِنَّ فَسَادَ ذَاتِ الْبَيْنِ هِيَ الْحَالِقَةُ

“Mahukah kamu jika aku beritahu satu perkara yang **lebih baik daripada darjat orang berpuasa, solat dan sedekah?** Mereka menjawab, “Sudah tentu”. Baginda ﷺ bersabda: “Memperbaiki hubungan kerana sesungguhnya kerosakan hubungan adalah pemusnah (agama)” (Sahih: HR Al-Tirmizi. [No 2509])

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ
فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ

“Sesiapa yang suka untuk Allah luaskan rezeki baginya dan memanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung hubungan silaturrahim” (HR al-Bukhari [No 2067])

تُعْرَضُ الْأَعْمَالُ فِي كُلِّ ائْتِنِ وَخَمِيسٍ، فَيَغْفِرُ اللَّهُ لِكُلِّ امْرِي لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا، إِلَّا امْرءًا كَانَتْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَخِيهِ شَحْنَاءُ، فَيَقُولُ: اُتْرِكُوا هَذِينَ حَتَّى يَصْطَلِحَا

“Amal perbuatan akan dihadapkan setiap hari Isnin dan Khamis. Ketika itu, Allah mengampuni dosa setiap orang yang tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu kecuali seseorang yang bermusuhan dengan saudaranya. Allah berfirman, “Biarkanlah keduanya, sehingga mereka berdamai”. (HR Muslim [No 2565])

لَا يَحِلُّ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَهْجُرَ مُؤْمِنًا فَوْقَ ثَلَاثٍ، فَإِنْ مَرَّتْ بِهِ ثَلَاثٌ، فَلْيَلْقَهُ، وَلْيُسَلِّمْ عَلَيْهِ، فَإِنْ رَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ، فَقَدْ اشْتَرَكَا فِي الْأَجْرِ، وَإِنْ لَمْ يَرُدَّ عَلَيْهِ، فَقَدْ بَاءَ بِالْإِثْمِ، وَخَرَجَ الْمُسَلِّمُ مِنَ الْهَجْرَةِ.

“Tidak halal bagi seorang Mukmin mendiamkan saudaranya yang Mukmin lebih dari tiga hari. Jika melepasi tiga hari, maka hendaklah dia menemuinya, lalu mengucapkan salam kepadanya. Jika dia telah menjawab salam, maka kedua-duanya sama-sama mendapatkan pahala. Jika dia tidak menjawabnya, maka dia berdosa, sedangkan yang memberi salam telah berlepas diri dari mendiamkan saudaranya.” (Hasan: HR Al-Bukhari dalam *Adab al-Mufrad* [No 414]) & HR Abu Daud [No 4912])

13

**MEMPUNYAI AKHLAK
YANG BAIK SESAMA
MANUSIA**

مَا مِنْ شَيْءٍ يُوَضَعُ فِي الْمِيزَانِ أَثْقَلُ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ وَإِنَّ
صَاحِبَ حُسْنِ الْخُلُقِ لَيَبْلُغُ بِهِ دَرَجَةَ صَاحِبِ الصَّوْمِ وَالصَّلَاةِ

“Tiada ada suatu apa pun yang paling **memberatkan timbangan** selain daripada akhlak yang baik. Orang yang berakhlak baik dapat **mencapai (kemuliaan) darjat orang yang berpuasa dan bersolat.**”
(Sahih: HR al-Tirmizi [No 2003])